

08/10/2002

Dasar sokong wanita

MALAYSIA dan negara lain Asia harus memperkenalkan dasar tindakan yang menyokong penyertaan secara meluas wanita dalam semua aspek kehidupan, kata Presiden Majlis AIDS Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir.

Beliau berkata, dasar itu yang memperuntukkan sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan wanita dalam setiap aspek kehidupan, bukan saja baik untuk wanita malah memanfaatkan semua pihak.

"Nampaknya ada teori yang membuktikan bahawa jika ada beberapa orang wanita dalam sesebuah pertubuhan, ia memberi kesan positif kepada keseluruhan pertubuhan itu," katanya kepada pemberita selepas menyertai perbincangan mengenai "Pemimpin Wanita Asia Masa Kini".